

JPP UMS adakan Majlis Perhimpunan Bulanan

UB 29.3.2018 64

MAJLIS Perhimpunan
Bulanan Jabatan
Pembangunan dan
Penyelenggaraan (JPP)
UMS kali ke-3 tahun 2018

telah diadakan di Pantai
ODEC UMS pada Selasa.
Majlis berkenaan telah
dihadiri oleh Pengarah
JPP Ir Pungut Ibrahim,

Timbalan Pengarah
Bahagian Pentadbiran JPP
Haji Firdaus Abadullah,
Timbalan Pengarah Bahagian
Teknikal JPP Jorin Matawas
serta semua staf JPP.

Di majlis pembukaan telah
adakan acara pemanasan
badan senamrobik yang
dikuasai oleh Awina Kamis
dari Fakulti Sains Makanan
dan Pemakanan UMS.

Dalam ucapannya, Pungut
melahirkan penghargaan
kepada pasukan JPP yang
telah melaksanakan kerja 'Do
it yourself' (D.I.Y) di UMS
kerana telah menunjukkan
kerja bersungguh-sungguh
dan memberikan impak
yang terbaik kepada
jabatan berkenaan bagi
memperlihatkan kecekapan
dalam usaha penjimatan

kos yang memerlukan
perbelanjaan rendah.

Katanya, usaha seperti itu
hendaklah diteruskan dari
semasa ke semasa agar boleh
memberikan contoh yang
terbaik kepada semua warga
kampus UMS.

"Adalah diharapkan
semua warga JPP agar
dapat menunjukkan
sifat keikhlasan dalam
melaksanakan sesuatu
kerja tidak kira kerja yang
berkaitan atau tidak, harus
menerima teguran dan
perlu hindarkan rasa marah
apabila ditegur.

"Sesungguhnya, kita
rasa bahawa kerja kita
sudah sempurna. Perkar
berkenaan perlu disematkan
dalam diri kita kerana
apabila menerima teguran
daripada orang lain pastinya
akan memperbaiki lagi
kesungguhan kerja kita,"
katanya.

Beliau mengucapkan
terima kasih kepada semua
ahli jawatankuasa yang
dikuasai oleh Rohani Hadi,
yang bertungkus-lumus
menyediakan program
berkenaan sehingga ia
berjaya dilaksanakan.

Keceriaan majlis
perhimpunan JPP pada pagi
itu telah diserikan aktiviti
sukaneka di mana peserta
dibahagikan kepada empat
rumah iaitu Hijau, Kuning,
Biru dan Merah.

Acara yang telah diadakan
adalah seperti pertandingan
tarik tali, pertandingan
memakan buah epal
(wanita) dan acara baling
bom air dalam belon
campuran antara rumah.



(Gambar atas) **PASUKAN** Rumah Merah johan acara tarik tali.

(Gambarbawah) **PUNGUT** (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Awina pada majlis itu.



ANTARA aksi
pasukan
dalam acara
tarik tali.



Dalam acara tarik tali
antara rumah, Rumah
Merah yang dipimpin oleh
Alender Ngindang telah
dinobatkan sebagai juara.

Rumah Biru yang dikuasai
oleh Jorin Matawas di
tempat kedua, Rumah Hijau
dikuasai oleh Hj Firdaus
Abdullah tempat ketiga dan
keempat Rumah Kuning
dikuasai oleh Mohd Ari
Nazrul Abdul Rahman.

Bagi acara memakan
buah epal wanita sehingga
habis, johan disandang oleh
pasukan Rumah Kuning,
naib johan Rumah Biru,
ketiga Rumah Hijau dan
Rumah Merah di tempat
keempat.

Dalam acara baling bom
air dalam belon campuran,
johan dimenangi oleh
Rumah Hijau, kedua
Rumah Merah, ketiga
Rumah Kuning dan
keempat Rumah Biru.

Hadiah kepada pemenang
telah disampaikan oleh Jorin
dan Ari Nazrul.

